

## LAPORAN PARLIMEN

# ITM tak boleh dibuka kepada bukan Melayu — Mahathir

TIMBALAN Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohammad hari ini menegaskan pintu ITM tidak boleh dibuka kepada penuntut-penuntut bukan Bumiputra kerana ianya akan memburukkan lagi keadaan tidak seimbang dalam bidang pelajaran negara ini.

Beliau yang juga Menteri Pelajaran menolak pendapat ahli-ahil pembangkang bahawa kemasukan penuntut-penuntut bukan Bumiputra merupakan cara wajar bagi mengwujudkan perpaduan kaum.

Katanya: "Pembukaan ITM kepada semua kaum akan menyebabkan bilangan penuntut-penuntut Bumiputra yang kebanyakannya mempunyai kelayakan lebih rendah akan berkurangan di Institusi ini.

"ITM adalah kawasan 'tekanan rendah' yang boleh menampung penuntut-penuntut Bumiputra. Sekiranya penuntut bukan Bumiputra memasuki sama ITM, maka bilangan mereka menjadi ramai dan keadaan tidak seimbang dalam bidang pelajaran negara ini akan lebih buruk."

Beliau menyatakan walaupun Kolej Tunku Abdul Rahman (KTAR) dibuka kepada penuntut bukan Bumiputra, tetapi Kolej ini merupakan kawasan 'tekanan

tinggi' yang tidak mudah dimasuki oleh penuntut-penuntut bukan Bumiputra yang mempunyai kelayakan lebih rendah.

Berikutan ini, tegas beliau lagi penutupan pintu ITM kepada penuntut-penuntut bukan Bumiputra itu bukan bermakna ketidakadilan.

"Ini adalah satu perkara yang adil. Jikalau kita tidak cuba membahagikan keadilan pelajaran secara sama kepada semua bermaknalah kita tidak bertanggungjawab."

Dr. Mahathir telah berucap menggulung perbahasan rang undang-undang ITM. Rang undang-undang ini diluluskan sebulat suara kemudiannya.

Beliau kemudian menjelaskan usaha-usaha kerajaan mengubah sekolah-sekolah jenis kebangsaan kepada sekolah kebangsaan merupakan cara untuk mengwujudkan perpaduan.

Melalui sekolah-sekolah kebangsaan, katanya, penuntut-penuntut dapat belajar dengan satu bahasa pengantar, bergaul mesra serta memupuk perasaan kasih sayang.

Mengenai masalah kegelisahan pelajaran yang ditimbulkan oleh Dr. Tan Chee Khoon (PEKEMAS-Kepong), beliau meminta ahli berkenaan menggunakan jasa baiknya untuk memberi nasihat

Katanya: "Dr. Tan adalah bekas Presiden Medical College Union pada tahun 1947, sementara saya pula ialah salah seorang dari ahli. Beliau sering meminta saya dan ahli lain-lain menyokong sebarang tindakan yang diambilnya dan tidak mengambil tindakan menunjuk perasaan.

"Kalau Dr. Tan boleh berjaya tanpa sebarang tunjuk perasaan, ini bermakna beliau boleh memberi nasihat kepada penuntut-penuntut supaya mengikuti jejaknya."

Dr. Mahathir menarik perhatian rang undang-undang ITM akan dapat mengurangkan rasa kegelisahan di kalangan penuntut dan membolehkan mereka menyeras pelajaran dengan baik.

Mengenai temuduga ke atas seramai 200 pelajar ITM, beliau memberitahu langkah ini akan memberi peluang kepada mereka untuk membuktikan samada mereka bersalah atau tidak dan boleh terus belajar semula atau tidak.

Bagaimanapun, katanya lagi, kerajaan tidak dapat membenarkan sebilangan kecil dari 7,500 pelajar yang tidak ingin belajar mengacau ketenteraman pelajar-pelajar yang berminat untuk belajar.